



PEMBANGUNAN SEMULA TANAH DI KUALA LUMPUR, PEMBANGUNAN TANAH DI IPOH & TAWARAN JUALAN ANCASA ROYALE PEKAN

Kuala Lumpur, 21 Julai 2020 – UDA Holdings Berhad (UDA), syarikat pemaju hartanah yang mampan di Malaysia, mengambil langkah proaktif dengan menawarkan hartanah terpilih untuk cadangan pembangunan semula melalui pernyataan minat (*Expression of Interest/EOI*).

Menurut Sr Mohd. Salem Kailany, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif UDA, tawaran cadangan EOI yang dikemukakan adalah bagi pembangunan semula di Kuala Lumpur (merangkumi tanah di lot 497, PT114, 482 dan 809), Ipoh dan jualan AnCasa Royale Pekan di Pahang. UDA telah memaklumkan tentang tawaran EOI ini menerusi iklan di beberapa buah akhbar dan laman sesawang rasmi UDA (www.uda.com.my) sejak Isnin, 20 Julai 2020.

“Seiring perkembangan perniagaan UDA, pihak UDA berhasrat untuk menjemput syarikat berdaftar yang mempunyai kepakaran, pengalaman dan sumber menyertai pernyataan minat ini,” kata beliau.

Pembangunan semula lot tanah di Kuala Lumpur iaitu tanah Pudu Sentral (yang dulu dikenali sebagai Hentian Pudu), Cahaya Suria dan Sinar Kota adalah bertujuan menaik taraf kawasan tersebut bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan selain memaksimumkan potensi tanah tersebut. Pembangunan semula tanah tersebut juga bakal menyediakan peluang bagi perniagaan beroperasi di persekitaran yang lebih kondusif dan menyenangkan agar dapat menarik lebih ramai pembeli dan pengunjung.

Ketiga-tiga bangunan yang telah mejangkau usia lebih 40 tahun itu terletak di lokasi strategik di tengah bandar Kuala Lumpur menjadikannya salah satu tumpuan utama warga kota dan pelancong. Sebagai organisasi yang komited **memperkasa gaya hidup lestari**, UDA merancang untuk membangunkan semula kawasan tersebut untuk ditransformasi sebagai pusat komersial dan aktiviti sosial yang lebih dinamik, moden dan maju.

Situasi yang sama bagi pembangunan di Greentown Ipoh, ia juga adalah salah satu usaha UDA untuk mengembangkan cabang perniagaan UDA di wilayah tersebut selain memaksimumkan potensi tanah tersebut yang terletak di tengah bandaraya Ipoh. Lokasinya yang strategik mampu meningkatkan nilai tanah dan dalam masa yang sama menaik taraf kawasan dan komuniti berdekatan.

AnCasa Royale Pekan telah siap dibina dan mula beroperasi pada tahun 2015. Hotel empat bintang terletak di bandar diraja Pahang itu adalah inisiatif UDA meneroka industri hospitaliti di bandar tersebut. Tawaran tersebut membuka peluang untuk UDA meneroka peluang perniagaan alternatif baharu dan dalam masa yang sama bekerjasama dengan organisasi yang bereputasi bagi memaksimumkan dan meningkatkan nilai aset tersebut.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan merupakan salah sebuah organisasi pemaju hartanah, penyedia perkhidmatan hospitaliti juga pengurus aset & fasiliti yang berdaya saing dan mampan negara. UDA utuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Selama lebih empat dekad, UDA terus menyumbang ke arah pembangunan negara dengan memajukan urbanisasi di seluruh Malaysia. UDA juga tetap komited untuk memperluas penyertaan usahawan Malaysia dalam eko-sistem perniagaan UDA. Projek pembangunan hartanah UDA menyasarkan pembinaan premis berkualiti pada harga yang kompetitif untuk semua kumpulan pendapatan.

Kami fokus pada visi 'Menjadi organisasi pilihan dengan kepelbagaian perniagaan hartanah dan pengurusan aset,' dan kami secara konsisten berusaha untuk memenuhi misi kami iaitu 'Memperkasa kehidupan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan pada kadar terbaik.'

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di <http://www.uda.com.my/> atau laman Facebook [facebook.com/UDAHoldings](https://www.facebook.com/UDAHoldings) dan Instagram [@uda_official](https://www.instagram.com/uda_official).

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | +6012 291 5427
- **Nor Hanisah Kamaruzaman (Nisa)** | n.hanisah@udanet.com | +6013 597 4264
- **Norlizah Zahimi (Liza)** | norlizah@udanet.com | +6017 332 9854

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855